

467 mangsa di lima pusat pemindahan Kedah, Perak

Kuala Lumpur: Seramai 467 mangsa banjir masih ditempatkan di lima pusat pemindahan banjir di dua negeri sehingga petang semalam.

Di Perak, 338 mangsa daripada 98 keluarga masih ditempatkan di tiga pusat pemindahan di daerah Kerian sehingga jam 4 petang semalam.

Pengarah Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) Perak Datuk Yahya Madis berkata, tiga pusat pemindahan di daerah itu ialah Sekolah Kebangsaan (SK) Changkat Lobak, SK Bukit Merah dan Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil (SJKT) Simpang Lima.

Di Kedah, dua pusat pemindahan banjir di Bandar Baharu iaitu di SK Sungai Kechil Ulu dan SK Bandar Baharu, masih dibuka dan 129 orang ditempatkan di situ sehingga jam 5 petang semalam.

Pegawai Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) Daerah Bandar Baharu Noor Azizah Abdul Razak berkata, jumlah itu membabitkan 24 keluarga dengan 88 mangsa ditempatkan di SK Bandar Baharu dan 16 keluarga membabitkan 41 mangsa di SK Sungai Kecil Ulu.

"Faktor cuaca yang tidak menentu menyebabkan semua mangsa belum boleh pulang ke rumah masing-masing terutama sekarang ini hujan lebat setiap hari menyebabkan paras air Sungai Kerian melimpah," katanya.

Di Kelantan, penduduk

di tujuh kampung di Rantau Panjang yang dinaiki air diminta bersedia berpindah ke pusat pemindahan pada bila-bila masa selepas air Sungai Golok berada di paras bahaya iaitu 9.59 meter.

Ketua Bomba dan Penyelamat Rantau Panjang Rahmat Kamarulzaman berkata, banjir itu membabitkan 600 penduduk di Kampung Lubuk Gong, Tersang, Siram manakala Kampung Lachang, Bonggor, Jawi dan Putat Tujuh terputus hubungan.

Katanya, ia disebabkan jalan utama yang menghubungkan kampung dinaiki air sejak kelmarin.

"Saya nasihatkan penduduk supaya menjaga keselamatan mereka bagi mengelakkan kejadian tidak diinginkan berlaku. Mereka diminta berhati-hati jika menggunakan jalan utama itu demi keselamatan diri.

"Jika hujan berterusan, Sungai Golok akan terus melimpah dan air akan naik ke kawasan rumah penduduk," katanya.

Jabatan Meteorologi Malaysia (MetMalaysia) kelmarin, mengeluarkan amaran ribut petir, hujan lebat dan angin kencang di beberapa negeri di Semenanjung termasuk Sabah dan Sarawak.

Menerusi kenyataan dikeluarkan laman web MetMalaysia, ribut petir, hujan lebat dan angin kencang melanda Negeri Sembilan, Johor, Pahang, Kelantan, Terengganu, Sabah dan Sarawak.